

# UMT lakukan transformasi! Penjenamaan semula fakulti! Kukuhkan lagi identiti, pencapaian universiti!

Kitareporters

02 JAN 2024



UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) menjalani proses penjenamaan semula fakulti sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan lagi identiti dan pencapaian university tersebut

Usaha itu turut disertai dengan penempatan baharu yang bertujuan untuk menyelaraskan struktur organisasi dengan keperluan semasa dan masa depan pendidikan tinggi di Malaysia.

Satu daripada perubahan utama yang telah dilakukan oleh UMT sempena tahun baharu 2024 adalah penjenamaan semula beberapa fakulti dan penubuhan pusat baharu bagi mencerminkan lebih tepat bidang kepakaran dan peranan masing-masing.



# Setinggi-tinggi tahniah

atas pelantikan jawatan pentadbiran di bawah

## FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK



**Prof. Ts. Dr. Muhammad Suzuri bin Hitam**  
Dekan  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025



**P.M. Ts. Dr. Rosmayati binti Mohamad**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar)  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025



**Dr. Ilyani binti Abdullah**  
Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan)  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025



**P.M. Ts. Dr. Amir bin Ngah**  
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025



**Ts. Dr. Zuriana binti Abu Bakar**  
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim dengan Kepujian  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025

## FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN



**ChM. Dr. Tuan Mahamad Fauzan bin Tuan Omar**  
Pengerusi Bidang Forensik Alam Sekitar  
Sarjana Sains Forensik Alam Sekitar  
1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2025

Fakulti yang terbabit penjenamaan semula iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Informatik (FTKKI) diberi nama baharu iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTKK).

Manakala penubuhan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) pula merupakan pecahan daripada FTKKI yang sebelum ini dilihat perlu dilakukan penambahbaikan untuk terus unggul dalam bidang tumpuannya dan ia mencerminkan penumpuan yang lebih jelas ke arah bidang matematik dan teknologi maklumat.

Menurut kenyataan Pejabat Komunikasi Koperasi UMT, Usaha ini sejajar dengan falsafah UMT untuk menyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi negara.

Selain penjenamaan semula fakulti, UMT juga telah melakukan penempatan baharu dalam struktur organisasinya. Perubahan ini merangkumi penambahan unit dan bahagian baru yang diwujudkan untuk memperkasakan fungsi dan peranan pentadbiran.



“Pentadbiran UMT telah mewujudkan dua jawatan baharu dalam memperkasa kekuatan universiti iaitu Pusat UMT Life dan Pusat Pengurusan Lestari masing-masing diterajui Prof. Dr. Hafiza Aishah Hashim dan Prof. Madya ChM. Dr. Chia Poh Wai selaku pengarah di pejabat tersebut,” tambah kenyataan itu.

Sementara itu, Ts. Wan Abdul Manan Wan Abdullah dilantik sebagai Pendaftar UMT baharu berkuatkuasa 1 Januari 2024 bagi menggantikan penyandang jawatan itu, Zukiferee Ibrahim.

Zukiferee Ibrahim kini menggalas tanggungjawab baharu apabila dilantik sebagai Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat UMT berkuatkuasa Januari 2024.

Turut menerima pembaharuan iaitu pelantikan Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah sebagai Pengarah Pusat Ekosistem Digital Baharu bagi menggantikan Prof. Ts. Dr. Muhammad Suzuri Hitam.

Transformasi yang dilakukan UMT juga mengambil kira peningkatan kapasiti dalam penyelidikan dan inovasi serta khidmat sokongan bagi pembentukan ekosistem universiti yang seimbang seiring teras utama yang terkandung dalam Pelan Strategik UMT. - KitaReporters